

ATHBĀT DAN SANAD ULAMA MELAYU DALAM BIDANG HADIS: SUMBANGAN KEPADA PEMBINAAN MASYARAKAT MADANI NUSANTARA

ATHBĀT AND SANAD OF MALAY SCHOLARS IN THE FIELD OF HADITH: CONTRIBUTIONS TO THE DEVELOPMENT OF A MADANI SOCIETY IN THE NUSANTARA

Mohd Zohdi Mohd Amin^{1*}

Omar Muhammad Kalash²

Mohd Sobri Ellias³

Ahmad Mutawalli Mustaffha⁴

¹ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: zohdi@usim.edu.my)

² Innovative University College, Kelana Square, Jalan SS7/26, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
(Emel: alamia07@hotmail.com)

³ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: sobri.ellias@usim.edu.my)

⁴ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: a.mutawallimustafha@gmail.com)

*Corresponding author: zohdi@usim.edu.my

Article history

Received date : 7-10-2025

Revised date : 8-10-2025

Accepted date : 24-11-2025

Published date : 30-12-2025

To cite this document:

Mohd Amin, M. Z., Kalash, O. M., Ellias, M. S., & Mustaffha, A. M. (2025). Athbāt dan sanad ulama Melayu dalam bidang hadis: Sumbangan kepada pembinaan masyarakat madani Nusantara. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 629 – 647.

Abstrak: Artikel ini membincangkan peranan sanad dan athbāt dalam tradisi keilmuan ulama Melayu serta sumbangannya terhadap pembinaan masyarakat madani Nusantara. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kepustakaan dengan merujuk kepada karya klasik hadis seperti *al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah* karya al-Khatib al-Baghdadi, *Nuzhat al-Nazar* karya Ibn Hajar al-'Asqalani, serta *Fihris al-Faharis wa al-Athbāt* karya al-Kattani, di samping rujukan kontemporari berkaitan ulama Melayu. Kajian turut menggunakan pendekatan temubual kepada 37 responden yang mempunyai kecenderungan kepada pemeliharaan sanad bagi melengkapkan dapatan berkaitan dengan athbat. Kajian tokoh sanad hadis pula hanya terfokus kepada para ulama di Negeri Kedah dan Pulau Pinang sahaja. Hasil kajian menunjukkan bahawa tradisi sanad dan athbāt bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme periwayatan hadis, tetapi juga sebagai instrumen sosial yang memperkukuh nilai amanah, disiplin, dan integriti dalam masyarakat. Ulama Melayu seperti Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh Ahmad al-Fatani, Tok Kenali, Syeikh Wan Ali Kutan, dan Syeikh Muhammad Ismail al-Fatani berperanan besar sebagai penghubung antara sanad ulama Timur Tengah dengan masyarakat Nusantara. Athbāt yang dihasilkan pula menjadi bukti kesinambungan ilmu dan pengiktirafan guru yang meneguhkan kedudukan ulama Melayu dalam jaringan global Islam. Kajian ini menegaskan bahawa tradisi sanad dan athbāt perlu terus dipelihara melalui

dokumentasi sistematik, digitalisasi manuskrip, integrasi dalam kurikulum IPTA dan pondok, serta penghidupan semula tradisi talaqqi. Dengan langkah ini, warisan sanad dan athbāt dapat terus menyumbang kepada pemantapan masyarakat madani Nusantara berasaskan al-Quran dan al-Sunnah.

Kata Kunci: *Sanad, Athbāt, Ulama Melayu, Hadis, Masyarakat Madani, Nusantara*

Abstract: *This article examines the role of sanad (chains of transmission) and athbāt (scholarly records of teachers and authorizations) in the intellectual tradition of Malay scholars and their contribution to the development of a civilised society (madani) in the Malay Archipelago. The study employs a qualitative, library-based analytical approach, drawing on classical works of hadith scholarship such as al-Khatib al-Baghdadi's al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah, Ibn Hajar al-'Asqalani's Nuzhat al-Nazar, and al-Kattani's Fihris al-Faharis wa al-Athbāt, alongside modern references on Malay scholars. Findings reveal that the traditions of sanad and athbāt function not only as mechanisms of hadith transmission but also as social instruments that reinforce values of trust, discipline, and integrity within society. Prominent Malay scholars such as Shaykh Daud al-Fatani, Shaykh Ahmad al-Fatani, Tok Kenali, Shaykh Wan Ali Kutan, and Shaykh Muhammad Ismail al-Fatani served as crucial transmitters linking Middle Eastern scholarly networks with the Malay world. The production of athbāt further demonstrates scholarly legitimacy and intellectual continuity, affirming the place of Malay scholars in the global Islamic network. This study argues that the traditions of sanad and athbāt should be preserved through systematic documentation, digitisation of manuscripts, integration into university and pondok curricula, and the revival of the talaqqi tradition. Such measures will ensure that these intellectual heritages continue to strengthen the foundation of a madani society in the Malay Archipelago, grounded in the Qur'an and Sunnah.*

Keywords: *Sanad, Athbāt, Malay Scholars, Hadith, Civilised Society, Malay Archipelago*

Pendahuluan

Sanad merupakan asas terpenting dalam tradisi keilmuan Islam. Para ulama hadis sejak awal menegaskan bahawa sanad adalah sebahagian daripada agama, sebagaimana kata Abdullah bin al-Mubarak:

الإسناد من الدين، ولولا الإسناد لقال من شاء ما شاء

Maksudnya: *Sanad itu sebahagian daripada agama, dan jika tidak kerana sanad nescaya sesiapa sahaja boleh berkata apa yang dia mahu*

(al-Khatīb al-Baghdādī, 1987).

Pernyataan ini menunjukkan betapa pentingnya peranan sanad dalam menjaga kemurnian dan keaslian ajaran Islam, khususnya hadis, yang merupakan sumber hukum kedua setelah al-Quran (Azmi et al., 2019).

Sanad ditakrifkan sebagai rangkaian perawi yang menyampaikan hadis hingga sampai kepada Rasulullah SAW. Al-Khatib al-Baghdadi menjelaskan bahawa sanad ialah pemberitahuan tentang jalan teks hadis (*al-ikhbar 'an tarīq al-matn*), dinamakan sanad kerana para huffaz menjadikannya sebagai sandaran dalam menilai kesahihan riwayat (Mughal, 2016). Sanad berfungsi sebagai sistem validasi yang ketat, di mana para ulama hadis merumuskannya dengan meneliti ketersambungan sanad, kredibiliti perawi, serta memastikan ketiadaan cacat (*syādh* dan *'illah*) dalam periwayatan (Kamaluddin, 2023).

Kedudukan sanad tidak terbatas dalam bidang hadis semata-mata. Ibn Khaldun (2004, hlm. 408) dalam *al-Muqaddimah* menegaskan bahawa sanad dalam pendidikan adalah asas dalam semua cabang ilmu kerana ilmu diturunkan secara berterusan melalui guru yang berautoriti. Pandangan ini dikuatkan lagi oleh kenyataan al-Sam'ani (1981, hlm. 97) yang menukilkkan kata-kata Abdullah bin Tahir:

فإن إسناده الحديث كرامة من الله عز وجل لأمة محمد صلى الله عليه وسلم

Maksudnya: *Sesungguhnya sanad hadis adalah suatu kemuliaan daripada Allah kepada umat Muhammad SAW.*

Bagi masyarakat Nusantara, sanad bukan sekadar simbol autoriti ilmiah tetapi lambang disiplin, amanah, dan kesinambungan tradisi yang membina tamadun. Melalui sanad, lahirlah jaringan ulama yang menjaga integriti ilmu, memelihara kesinambungan ajaran, dan menjadi benteng daripada penyelewengan ilmu (Osman, 2022). Sistem ini juga menekankan sifat moral perawi seperti *'adl*, *dābiṭ* dan *thiqah* yang semuanya penting dalam pembangunan masyarakat yang bermoral dan berdisiplin (Iqrimatunnaya & Hasannia, 2022).

Berdasarkan latar ini, artikel ini bertujuan meneliti peranan *athbāt* dan sanad ulama Melayu dalam bidang hadis, di samping mengupas sumbangannya kepada pembinaan masyarakat Nusantara yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah.

Permasalahan Kajian

Meskipun sanad diakui sebagai asas utama dalam tradisi keilmuan Islam dan menjadi teras kepada disiplin ilmu hadis, kajian akademik berkaitan sanad dan *athbāt* ulama Melayu masih berada pada tahap yang terhad dan bersifat fragmentari (Bradley, 2014). Sebahagian besar penulisan sedia ada lebih menumpukan kepada biografi tokoh atau penghuraian umum tentang kepentingan sanad (Alias, 2020; Mustapha et al., 2018), tanpa analisis yang sistematik terhadap peranan *athbāt* sebagai dokumen autoriti ilmu dalam konteks Alam Melayu.

Selain itu, banyak sanad dan *athbāt* ulama Melayu tidak didokumentasikan secara menyeluruh atau hanya tersimpan dalam bentuk manuskrip peribadi dan tradisi lisan, menjadikan jaringan keilmuan ini sukar ditelusuri dan dinilai secara akademik (Maknun et al., 2022). Keadaan ini berisiko menyebabkan warisan sanad ulama Melayu terpinggir dalam wacana sejarah intelektual Islam, sedangkan ulama Melayu sebenarnya terlibat secara langsung dalam jaringan sanad global yang bersambung dengan pusat-pusat ilmu Islam di Haramain, Mesir dan India (Qudsy et al., 2021).

Kehilangan atau ketiadaan dokumentasi *athbāt* bukan sahaja menyukarkan pengesanan autoriti ilmu, bahkan boleh melemahkan rantaian kesinambungan sanad dan mengaburkan standard amanah ilmiah dalam masyarakat.

Perubahan landskap pendidikan Islam kontemporari yang lebih menekankan sistem formal berbanding pengajian *talaqqi* bersanad turut menyumbang kepada penghakisan kefahaman terhadap fungsi sanad dan *athbāt* sebagai asas autoriti ilmu (Suryana, 2019). Kekosongan ini bukan sahaja memberi kesan kepada penghayatan tradisi keilmuan, malah menjejaskan pembinaan masyarakat madani yang berteraskan nilai amanah, disiplin dan integriti ilmiah. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti peranan *athbāt* dan sanad ulama Melayu dalam bidang hadis, dengan menonjolkan sumbangannya terhadap pembinaan masyarakat

madani Nusantara serta menegaskan keperluan pemeliharaan, pendokumentasian dan penghidupan semula tradisi sanad dalam konteks akademik dan sosial semasa.

Sorotan Literatur

Kajian terdahulu berkaitan sanad dan *athbāt* dalam tradisi keilmuan Islam secara umumnya menekankan kedudukan sanad sebagai asas autoriti ilmu dan mekanisme pemeliharaan ketulenan ajaran Islam, khususnya dalam disiplin hadis (Sharipp et al., 2021). Sebahagian kajian menumpukan kepada peranan sanad sebagai instrumen epistemologi yang membezakan ilmu Islam daripada tradisi ilmu lain, di samping menegaskan kepentingannya dalam memastikan kesinambungan ilmu melalui hubungan guru dan murid (Arjmand, 2017; Fahrudin, 2014; Nasir, 2022). Dalam konteks Alam Melayu, beberapa kajian telah membincangkan kewujudan tradisi sanad dalam kalangan ulama tempatan serta hubungannya dengan pusat-pusat keilmuan Islam seperti Haramain, Mesir dan India (Ali, 2023; Malek & Munip, 2017; Qudsy et al., 2021), namun perbincangan tersebut lazimnya bersifat umum dan deskriptif.

Dari sudut fokus kajian, sebahagian penulisan terdahulu cenderung menumpukan kepada biografi ulama Melayu dan sumbangan individu tokoh-tokoh tertentu dalam pengembangan ilmu hadis (Alias, 2020), tanpa mengaitkannya secara mendalam dengan dokumentasi sanad dan *athbāt* sebagai sumber autoriti ilmu (Jamil, 2022). Kajian lain pula menekankan kepentingan sanad secara normatif atau dari sudut pendidikan Islam, tetapi tidak membandingkan secara sistematik peranan *athbāt* sebagai dokumen yang merekodkan jaringan keilmuan dan legitimasi ilmiah ulama Melayu (Arjmand, 2017). Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun isu sanad sering disentuh, pendekatan kajian terdahulu masih terpisah mengikut tema dan belum membentuk analisis yang menyeluruh.

Berdasarkan sorotan tersebut, dapat dikenal pasti satu jurang kajian yang ketara, iaitu kekurangan analisis yang meneliti *athbāt* dan sanad ulama Melayu sebagai satu tradisi dokumentasi ilmu yang berfungsi dalam pembinaan masyarakat madani Nusantara. Jurang ini wujud kerana perlunya pengajian yang lebih mendalam terhadap kekayaan tradisi lokal dan penulisan di Alam Melayu (Ahmad & Ibrahim, 2020; Gallop, 2020). Kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan meneliti peranan *athbāt* dan sanad bukan sahaja sebagai warisan keilmuan, tetapi juga sebagai asas autoriti, disiplin dan integriti ilmiah yang menyumbang kepada pembentukan masyarakat berteraskan nilai amanah dan kesinambungan ilmu (Arjmand, 2017; Jamil, 2022). Dengan pendekatan ini, kajian ini memposisikan dirinya sebagai usaha melengkapkan dan memperluas wacana sedia ada mengenai sanad dan *athbāt* dalam konteks keilmuan Islam di Alam Melayu.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis kepustakaan terhadap karya klasik, manuskrip dan penulisan ilmiah berkaitan sanad dan *athbāt* ulama Melayu dalam bidang hadis.

Data utama diperoleh daripada karya klasik dan kontemporari berkaitan sanad dan *athbāt*, termasuk rujukan induk dalam ilmu hadis seperti *al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah* karya al-Khaṭīb al-Baghdādī (1987), *Nuzhat al-Nazar* karya Ibn Hajar al-'Asqalānī (1987), serta *Fihris al-Fahāris wa al-Athbāt* karya al-Kattānī (1982). Selain itu, rujukan khusus tentang ulama Melayu diambil daripada kajian biografi, manuskrip, dan karya ilmiah moden seperti yang dihimpunkan oleh Azyumardi Azra (2004), Abdullah, W. M. S. (1991), dan Ismail Che Daud (1988).

Sebagai maklumat sokongan, pengumpulan data turut dilengkapkan melalui komunikasi akademik tidak berstruktur dengan beberapa tokoh ulama yang dipercayai mempunyai sanad dan *athbāt*, termasuk ulama di Mekah dan Madinah yang mempunyai pertalian pengajian di Alam Melayu. Pemilihan tokoh-tokoh ini dilakukan secara *purposive* berdasarkan pengiktirafan keilmuan dan keterlibatan mereka dalam tradisi sanad dan *athbāt*, tanpa bertujuan menghasilkan data empirikal berskala lapangan.

Pendekatan analisis kepustakaan dan analisis perbandingan ini memungkinkan penelitian mendalam terhadap teks-teks primer dan sekunder untuk memahami konsep, sejarah, dan relevansi sanad serta *athbāt* dalam konteks keilmuan Islam dan masyarakat Melayu. Data dianalisis secara tematik-konseptual dan analitis-deskriptif, dengan meneliti pola, konsep utama dan kecenderungan wacana berkaitan autoriti ilmu, kesinambungan sanad dan peranan *athbāt*.

Metode kajian ini bersifat analitis-deskriptif, iaitu meneliti data sejarah, sanad, dan manuskrip *athbāt* ulama Melayu, kemudian menganalisisnya bagi menonjolkan kepentingannya terhadap masyarakat madani kontemporari. Analisis perbandingan dengan tradisi sanad di Timur Tengah turut dilakukan untuk menilai kesinambungan dan keunikan tradisi sanad ulama Melayu. Kesahan dapatan diperkukuh melalui triangulasi sumber, iaitu perbandingan antara karya klasik, manuskrip, kajian akademik moden dan maklumat sokongan daripada komunikasi akademik.

Melalui pendekatan ini, dapatan kajian diharap dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kedudukan sanad dan *athbāt* ulama Melayu, di samping menunjukkan sumbangannya terhadap pembinaan masyarakat madani berasaskan al-Quran dan al-Sunnah.

Konsep Sanad dan *Athbāt*

Sanad menurut ahli hadis ialah rangkaian perawi yang menyampaikan hadis sehingga sampai kepada Rasulullah SAW. Al-Khatib al-Baghdadi (1987, hlm. 123) menjelaskan bahawa sanad ialah "*al-ikhbar 'an tariq al-matn*" iaitu pemberitahuan mengenai jalan teks hadis. Sanad bukan sekadar struktur periwayatan, tetapi merupakan asas utama dalam menilai kesahihan hadis (Kamaluddin, 2023). Ulama menegaskan bahawa tanpa sanad, ilmu hadis akan hilang nilai autoritinya. Abdullah bin al-Mubarak berkata: "*sanad itu sebahagian daripada agama*" (al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1987, hlm. 121). Ini menekankan betapa pentingnya sanad dalam menjaga kemurnian dan keaslian ajaran Islam.

Kedudukan sanad dalam disiplin hadis ditegaskan lagi oleh Sufyan al-Thawri yang menyatakan: "*sanad itu adalah senjata orang mukmin*" (Ibn 'Abd al-Barr, 1968, jld. 2, hlm. 178). Ibn Hajar al-'Asqalani (1987, hlm. 34) pula menegaskan bahawa sanad merupakan keistimewaan umat Islam yang tidak dimiliki oleh umat lain, kerana ia menjaga kesinambungan ajaran daripada penyelewengan (Kamaluddin, 2023). Konsep yang menjadi teras dalam ilmu sanad ialah *ittisāl al-sanad*, iaitu kesinambungan rantai perawi tanpa sebarang terputus, yang menjadi syarat kesahihan sesebuah hadis (Ibn al-Ṣalāḥ, 1986, hlm. 21).

Adapun *athbāt*, ia adalah karya atau dokumen yang menghimpunkan nama-nama guru, sanad, serta ijazah ilmu seorang ulama (Maknun et al., 2022). *Athbāt* berfungsi sebagai "sijil autoriti" yang membuktikan hubungan intelektual seorang ulama dengan generasi sebelumnya (al-Kattānī, 1982, jld. 1, hlm. 12). Dalam tradisi keilmuan Islam, khususnya di dunia Melayu, *athbāt* menjadi bukti kesahihan jaringan sanad dan simbol pengiktirafan ilmiah. Melalui *athbāt*,

para murid bukan sahaja menerima ilmu, tetapi turut mendapat pengesahan tentang asal-usul sanad yang mereka warisi daripada gurunya.

Fungsi utama sanad dan *athbāt* adalah memastikan kesinambungan ilmu daripada satu generasi ke generasi berikutnya. Ia memelihara ketulenan ajaran, mengiktiraf autoriti ulama, serta menjadi asas pembinaan identiti intelektual masyarakat Muslim di Alam Melayu.

Tradisi Sanad Hadis di Alam Melayu

Tradisi sanad hadis berkembang di Alam Melayu melalui hubungan intelektual yang erat dengan pusat ilmu Islam di Haramain, Mesir, dan India. Sejak abad ke-17, ramai pelajar dari Nusantara berangkat ke Mekah dan Madinah untuk menuntut ilmu, khususnya dalam bidang hadis, lalu memperoleh sanad melalui *talaqqi* dan ijazah daripada ulama besar di sana (Azra, 2004; Saharman, 2018). Hubungan ini membentuk jaringan keilmuan yang erat antara ulama Nusantara dan Timur Tengah (Abidin et al., 2020). Perjalanan haji juga turut menyumbang kepada interaksi keilmuan ini, di mana ulama dari Nusantara seringkali menerima ilmu dan sanad daripada ulama di Mekah (Musa & Baharudin, 2024). Berdasarkan kepada kajian Omar Kalash (2024) perkembangan tradisi sanad hadis di alam Melayu dapat dibahagikan kepada beberapa peringkat melalui tokoh ulama berikut:

- **Perintis Sanad Hadis di Nusantara (Abad ke-18 – Awal Abad ke-19)**

Syeikh Daud bin ‘Abdullah al-Fatani (1769–1847) merupakan ulama Patani terulung abad ke-18/19 yang menguasai pelbagai disiplin ilmu. Beliau mendalami ilmu hadis ketika menuntut di Mekah, memperoleh sanad periwayatan daripada syeikh besar di Haramain. Syeikh Daud dikenali sebagai salah seorang pengarang paling prolifik di Asia Tenggara (Rahman et al., 2019) dan menjadi rujukan penting dalam tradisi keilmuan Patani (Mustapha et al., 2018). Melalui para murid dan zuriat ilmunya, sanad beliau mengalir kepada generasi seterusnya di Alam Melayu seperti Nik Mat Kecil al-Fatani, ulama Patani yang kemudiannya mengajar sanad kepada Syeikh Ahmad al-Fatani.

- **Ulama Melayu Penyambung Sanad Hadis (Awal Abad ke-20)**

Syeikh Wan Ali Kutan al-Kelantani (w. 1913) seorang tokoh ulama Kelantan yang bermastautin di Mekah lebih 40 tahun. Beliau mendapat sanad hadis melalui gurunya, Syeikh Muhammad Amin bin Sayyid Ridwan al-Madani (1836–1895) di Madinah/Mekah. Syeikh Wan Ali turut menjadi mertua dan guru kepada Syeikh Ahmad al-Fatani di Mekah, sekali gus menjadi penghubung penting jaringan ulama Kelantan-Patani dengan sanad ulama Haramain pada zaman itu.

Syeikh Ahmad bin Muhammad Zayn al-Fatani (1856–1908) adalah ulama Patani terkenal abad ke-19 ini memainkan peranan penghubung utama antara ulama Nusantara dan Haramain (Akca et al., 2023) Beliau menuntut di Mekah sejak kecil, berguru dengan ramai ulama besar Hijaz seperti Sayyid Ahmad Zayni Dahlan dan lain-lain. Syeikh Ahmad memperoleh ijazah sanad hadis daripada para masyaikh di Mekah dan Madinah, kemudian mengajar ramai pelajar Jawi. Antara murid beliau dari Alam Melayu ialah Tok Kenali dan Tuan Guru Haji Saleh Tuan Tabal. Syeikh Ahmad al-Fatani juga terkenal sebagai pengasas percetakan Jawi di Mekah (Rozali, 2015) dan telah menyebarkan karya ilmu ke Nusantara.

- **Ulama Melayu Penyambung Sanad Hadis (Awal Abad ke-20)**

Tok Kenali (1868–1933) atau nama sebenarnya Syeikh Muhammad Yusof bin Ahmad, merupakan ulama terulung Kelantan yang menuntut di Mekah sekitar 20 tahun (1880-an–1900-an) dan pulang sebagai pembangun pengajian Islam di Kelantan. Beliau merupakan murid utama Syeikh Ahmad al-Fatani di Mekah, dan melalui guru Haramain itu Tok Kenali memperoleh sanad hadis yang bersambung hingga Rasulullah SAW. Sekembalinya ke Kelantan, Tok Kenali melahirkan ramai murid pondok dan mewariskan sanad ilmunya kepada ulama tempatan Kelantan. Tradisi keilmuan Tok Kenali ini kelak mengalir kepada generasi ulama moden Kelantan dan Kedah. Contohnya sanad Tok Kenali diserap melalui para muridnya kepada Syeikh Muhammad Badruddin, Mufti Kedah.

Syeikh Wan Ismail al-Fatani (w. 1912) Seorang ulama Patani yang sezaman dengan Tok Kenali. Beliau menuntut di Mesir dan Mekah serta memperoleh ijazah hadis daripada ulama di kedua-dua pusat ilmu tersebut. Syeikh Wan Ismail terkenal sebagai *musnid* (pemegang banyak sanad) di Mekah dan digelar *pemilik al-Bākūrah* iaitu merujuk kepada karya hadis karangannya. Beliau turut menjadi guru kepada ulama generasi seterusnya seperti Syeikh Haji Salleh Kedah dan Syeikh Wan Ahmad al-Qadhi, menghubungkan sanad ulama silam Patani-Kelantan dengan ulama Nusantara pertengahan abad ke-20.

• **Guru Hadis Nusantara di Mekah & India (Pertengahan Abad ke-20)**

Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani (1916–1990) Tokoh ulama kelahiran Padang, Indonesia yang menetap di Mekah. Digelar *Musnid al-Dunya* kerana merupakan pemegang sanad terbanyak dunia. Beliau menjadi sumber sanad bagi ulama seluruh dunia termasuk Nusantara. Syeikh Yasin mengijazahkan hadis kepada ramai ulama Melayu pada 1950-70an, antaranya Syeikh Wan Ahmad al-Qadhi, Syeikh Haji Salleh Musa, Syeikh Ali Tuan Hussain Kedah, Syeikh Wan Izzuddin al-Fatani, Syeikh Abdullah Usama al-Qadhi, dan Syeikh Abdul Rahim. Melalui beliau, sanad hadis Mekah abad ke-20 mengalir deras ke Alam Melayu.

Sayyid Alawi bin ‘Abbas al-Maliki (w. 1971) seorang ulama Mekah berketurunan Rasulullah SAW, dan merupakan syeikh besar dalam hadis dan tafsir di Masjidil Haram. Beliau mendidik ramai pelajar Nusantara, termasuk Syeikh Wan Ahmad al-Qadhi, Syeikh Haji Salleh, Syeikh Abdullah al-Qadhi, Syeikh Ali Hussain Kedah dan lain-lain (Suparto et al., 2019). *Majlis* hadis dan tafsir Sayyid Alawi di Masjidil Haram menjadi salah satu sumber ijazah sanad bagi mereka.

Syeikh Hasan al-Mashshat (1899–1980-an). Ulama Hijaz pakar hadis yang mengajar di Masjidil Haram. Syeikh Hasan menjadi guru hadis kepada generasi ulama Melayu pertengahan abad ke-20. Beliau mengajar Syeikh Wan Ahmad al-Qadhi, Syeikh Haji Salleh, Syeikh Abdullah al-Qadhi, Syeikh Ali Hussain, Syeikh Wan Izzuddin, Syeikh Abdul Rahim dan lain-lain. Melalui bacaan kitab-kitab *Sunan* dan *Sahih* bersama beliau, ulama Melayu memperoleh sanad kutub hadis utama.

Syeikh ‘Abd al-Qadir al-Mandili (1910–1965-an). Ulama keturunan Aceh yang bermukim di Mekah, terkenal dalam penulisan Jawi. Beliau turut mengijazahkan sanad hadis kepada pelajar Melayu, contohnya Syeikh Wan Ahmad al-Qadhi mendapat sanad *Sunan Abi Dawud* secara khusus daripadanya. Syeikh Haji Salleh dan Syeikh Abdullah al-Qadhi juga berguru dengan beliau. Syeikh Abd al-Qadir menjadi penghubung sanad ulama Kedah–Patani dengan jalur ulama Haramain abad ke-20.

Syeikh Zakariyya al-Kandahlawi (1898–1982). Seorang ulama hadis terkemuka India (mazhab Deobandi) yang merupakan pewaris tradisi Shah Waliullah al-Dihlawi. Beliau memberikan ijazah *musalsalāt* dan hadis kepada Syeikh Wan Izzuddin al-Fatani semasa pengajian di Darul Ulum Deoband (1960-an) (Jafar, 2023). Syeikh Zakariyya juga pernah ditemui oleh Syeikh Abdullah Bukhari di Madinah, di mana pertemuan itu mengukuhkan sanad ulama Melayu dengan rangkaian ulama India-Hijaz.

- **Ulama Melayu Kontemporari dan Warisan Sanad (Akhir Abad ke-20 – Abad ke-21)**
Syeikh Wan Izzuddin al-Fatani (lahir 1944) – Mendapat pendidikan hadis di India, Mekah, dan Mesir. Di India (Deoband, 1965–1970), beliau menerima ijazah sanad termasuk *musalsalāt* Shah Waliullah daripada Syeikh Zakariyya al-Kandahlawi (Jafar, 2023). Beliau membaca *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dengan Syeikh Fakhruddin al-Muradabadi dan *Ṣaḥīḥ Muslim* dengan Syeikh Sharf al-Hasan, antara lain. Di Mekah, beliau belajar dengan Syeikh Muhammad Amin al-Kutbi dan Syeikh Taha al-Yamani, serta sempat menerima ijazah daripada ulama besar seperti Syeikh Yasin al-Fadani dan Syeikh Hasan al-Mashshat. Beliau turut melengkapkan pengajian di Mesir dan mendapat *ijazah ‘ammah* daripada ulama Azhar seperti Syeikh Mustafa al-Tayyar dan Syeikh Najib al-Muti‘i. Sanad yang dimiliki Syeikh Wan Izzuddin terutama sanad *musalsal Waliullah*nya menjadikan beliau penghubung tradisi hadis India-Hijaz dengan Nusantara moden.

Syeikh Wan Ahmad bin Wan Muhammad Nūr al-Qādhī (1925–2021). Ulama Kedah yang menuntut di Mekah sekitar 10 tahun (1940-an–50-an) (Hamid, 2019). Berguru rapat dengan Syeikh Yasin al-Fadani seorang tokoh sanad dunia. Beliau juga belajar dengan Sayyid Alawi al-Maliki, Syeikh Hasan al-Mashshat, Syeikh Hasan al-Yamani serta Syeikh ‘Abd al-Qadir al-Mandili di Mekah. Melalui guru ini, beliau mendapat banyak ijazah hadis, termasuk sanad khusus *Sunan Abi Dawud* daripada Syeikh Abd al-Qadir al-Mandili. Syeikh Wan Ahmad kemudiannya pulang dan membuka pusat pengajian di Kedah, mewariskan sanad hadis Mekah kepada para murid Nusantara.

Syeikh Haji Salleh bin Musa (1929–2016) – Ulama Kedah yang belajar di Mekah selama lebih 10 tahun (1940-an–50-an). Beliau menuntut di Madrasah al-Saulatiyyah (Akca et al., 2023) dan Dar al-‘Ulum Mekah (Musa & Baharudin, 2024). Beliau berguru hadis dengan Syeikh Wan Ismail al-Fatani, Syeikh ‘Abd al-Qadir al-Mandili, Syeikh Hasan al-Yamani, Syeikh Muhammad Amin al-Kutbi, Sayyid Alawi al-Maliki, Syeikh Yasin al-Fadani, Syeikh Muhammad ‘Arabi al-Tabbani, dan Syeikh Hasan al-Mashshat. Melalui bimbingan para masyaikh ini, Haji Salleh memperoleh ijazah dan membaca kitab-kitab hadis utama (seperti *Ṣaḥīḥayn* dan *Sunan*) menurut tradisi *talaqqi* di Mekah (Ahmad et al., 2021). Sekembali ke tanah air, beliau aktif mengajar dan menyebarkan sanad hadis di Kedah, menjadikannya salah seorang pewaris sanad penting rantau Nusantara.

Syeikh Abdul Rahim bin ‘Abdul Rahman mula belajar di Patani (Sheikh & Sheikh, 2019), kemudian melanjutkan pengajian hadis di Mekah selama 6 tahun (1960-an). Beliau berguru dengan Syeikh Hasan al-Mashshat, Sayyid ‘Alawi al-Maliki, Syeikh Muhammad Amin al-Kutbi, Syeikh Muhammad Nur al-Bahrain, dan menghadiri majlis Syeikh Muhammad ‘Arabi al-Tabbani. Syeikh Abdul Rahim juga menerima ijazah daripada ulama seperti Syeikh Ismail Zain al-Yamani dan Syeikh ‘Abdullah al-Lahji. Beliau dikenali sebagai murid kepada Syeikh Muhammad Yasin al-Malizi yang menetap di Mekah. Sanad hadis beliau menghubungkan tradisi Kedah-Patani dengan rangkaian sanad ulama Mekah abad ke-20 (Al-Haiti, 2020). Hingga kini, beliau aktif mengijazahkan sanad (*ijazah ‘ammah*) kepada para murid.

Syeikh ‘Abdullah bin Usama al-Qādhī (lahir 1938). Ulama Patani/Kedah yang menuntut di Mekah sekitar 1960-an. Beliau memperoleh sanad hadis melalui beberapa masyaikh besar Mekah: Syeikh ‘Abd al-Qadir al-Mandili, Syeikh Hasan al-Mashshat, Sayyid Alawi al-Maliki, dan Syeikh Yasin al-Fadani. Sanad beliau bersambung kukuh dengan jaringan ulama Mekah abad ke-20, menjadikan Syeikh ‘Abdullah Usama antara *pewaris sanad* Kedah-Patani yang merapatkan Nusantara dengan Hijaz.

Dato’ Paduka Syeikh Muhammad Badruddin bin Haji Ahmad (lahir 1948) Mantan *Mufti Kedah* (Ahmad, 1993; Khairuldin, 2018). Beliau melalui laluan pendidikan tradisional dan moden. Menuntut asasnya di Kelantan, kemudian ke Lucknow, India – di sana beliau mendapat sanad ilmu termasuk hadis daripada ulama seperti Sayyid Hasan bin Sayyid Suhaili. Seterusnya menyambung pengajian di Universiti al-Azhar, Mesir, di bawah Dr. ‘Umar Hashim (pakar hadis) yang memberinya *ijazah ‘ammah* dalam periwayatan hadis. Sanad hadis Syeikh Badruddin merentasi tiga jalur: Kelantan (para murid Tok Kenali), India, dan Mesir. Hal ini menempatkan beliau sebagai ulama Melayu kontemporari yang menggabungkan beberapa rantaian sanad antarabangsa, sambil terus berperanan aktif sebagai mufti dan pendidik masyarakat.

Syeikh Ali bin Ahmad bin Tuan Hussain Kedah (1929–2019) merupakan cucu ulama terkenal Tuan Hussain Kedah (1863–1936). Syeikh Ali mendapat pendidikan awal daripada ayahandanya, kemudian melanjutkan pengajian ke Mekah (Meulen, 1981) dan Mesir. Di Mekah, beliau masuk Dar al-‘Ulum (Musa & Baharudin, 2024) dan berguru hadis terutamanya dengan Syeikh Yasin al-Fadani dan beliau mendengar kitab *Fayḍ al-Khabīr*, *Jawāhir al-Bukhārī* (Majid, 2008), beberapa juzuk *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, serta kitab-kitab hadis lain daripada Syeikh Yasin, dan mendapat ijazah hadis rasmi daripadanya. Syeikh Ali turut mengambil sanad daripada (a) Syeikh Hasan al-Mashshat melalui kelas hadis selepas Isyak di Masjidil Haram; (b) Sayyid Alawi al-Maliki melalui majlis tafsirnya sambil mendengar hadis; dan (c) Syeikh Hayat al-Andunusi serta Syeikh Ismail Daud al-Fatani melalui sebahagian pengajian hadis. Beliau juga memiliki ijazah daripada Syeikh ‘Umar al-Sambawa al-Andunusi iaitu guru di Dar al-‘Ulum. Dengan rangkaian guru yang luas ini, sanad hadis Syeikh Ali bersambung kukuh ke jalur ulama Mekah abad ke-20 melalui Syeikh Yasin, Syeikh Hasan, Sayyid Alawi, dll., menjadikan beliau salah seorang penyambung tradisi sanad di Kedah yang dihormati.

Syeikh ‘Abdullah Bukhari bin ‘Abdul Rahman (1932–2022) – Ulama Pulau Pinang berketurunan India-Muslim. Beliau mendapat pendidikan di Madrasah al-Mashhur al-Islamiyyah Pulau Pinang, kemudian melanjutkan pelajaran ke India. Di Universiti Arabiyyah Misbah al-Din (Lucknow, ±1953), Syeikh ‘Abdullah Bukhari mendalami kitab-kitab hadis utama seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Jāmi‘ al-Tirmizī* (Majid, 2008), *Mishkāt al-Maṣābīḥ* di bawah bimbingan Syeikh Muhammad Qāsim, seorang pakar hadis di sana. Sanad hadis beliau bersambung melalui jalur ulama hadis India mengikut tradisi Deobandi (Faiz, 2016). Semasa menunaikan haji, beliau berkesempatan bertemu al-Muḥaddith al-Kabīr Syeikh Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi di Raudhah, Madinah, Pertemuan ini mengukuhkan lagi hubungannya dengan jalur sanad India-Hijaz (Jafar, 2023). Sepulangnya ke Tanah Air, Syeikh ‘Abdullah Bukhari berkhidmat sebagai guru di Madrasah al-Mashhur (1958–1979) dan giat menyampaikan pengajian hadis serta menyebarkan sanad kepada masyarakat di Pulau Pinang (Musa & Baharudin, 2024).

Senarai di atas adalah merujuk kepada ulama di Negeri Kedah dan Pulau Pinang sahaja sebagai contoh, sedangkan senarai ulama setiap negeri telah disenaraikan oleh kajian Omar Kalash (2024). Meskipun begitu contoh ini memadai untuk jelas ketara bahawa Tanah Melayu tidak sunyi daripada tokoh ulama yang menguasai pelbagai bidang ilmu termasuk dalam bidang hadis.

Kesimpulannya, rangkaian sanad hadis ulama Melayu terbina melalui hubungan intelektual merentasi masa dan geografi (Bradley, 2014) dari abad ke-18 hingga kini. Ulama Nusantara berguru di Mekah, Madinah, India, Mesir dan lain-lain, lalu membawa pulang ijazah sanad ke tanah air (Idriz, 2007). Jaringan sanad ini memastikan kesinambungan ilmu daripada Rasulullah SAW terpelihara (Jamil, 2022), di samping memperkukuhkan autoriti keilmuan ulama Melayu dalam masyarakat. Warisan sanad dan *athbāt* ulama Melayu tersebut menjadi tulang belakang pembinaan masyarakat Nusantara berteraskan al-Quran dan al-Sunnah, kerana ia menanam nilai amanah, disiplin dan integriti (Hamim et al., 2021) dalam tradisi keilmuan umat (Alwi, 2014). Oleh itu, inisiatif untuk mendokumentasi dan menghidupkan semula tradisi sanad di rantau ini amatlah penting agar rantai emas keilmuan ini terus terpelihara bagi generasi akan datang (Suryana, 2019).

***Athbāt* Ulama Melayu**

Istilah *athbāt* (الاثبات) bukan suatu yang terlalu asing dalam kalangan para ulama, walaupun ianya agak kurang terkenal dalam kalangan masyarakat umum. Istilah *athbāt* (الاثبات) biasanya merujuk kepada karya atau dokumen yang menghimpunkan senarai guru, sanad, serta ijazah ilmu seorang ulama. Secara umum, ijazah dan sijil keilmuan adalah amalan penting dalam pendidikan Islam yang mengesahkan hubungan intelektual seorang ulama dengan generasi sebelumnya (Idriz, 2007). Perkataan Arab 'ثبت' juga digunakan dalam konteks dokumen yang telah disahkan atau dijadikan 'kukuh' (Khan, 2024).

Kajian sanad di Malaysia, khususnya dalam bentuk *athbāt* dan *ṭabaqāt*, masih kurang diberi perhatian sama ada di sekolah, universiti, masjid atau majlis ulama. Hanya sebilangan kecil sahaja para syeikh yang terus memeliharanya, kebanyakannya di pendidikan tradisi atau dalam kalangan individu tertentu yang tidak begitu dikenali. Golongan ini sangat sedikit bilangannya. Antara tokoh yang ditemui oleh Omar Kalash (2024) di dalam kajian beliau di peringkat PhD ialah:

i. Ustaz Mohd Zaidi bin Abdullah (Allahyarham)

Beliau merupakan antara yang paling menonjol dalam usaha mengumpul dan mengeluarkan *athbāt* gurunya. Banyak karya disusun oleh beliau, namun usahanya hanya berbentuk senarai sanad tanpa penelitian mendalam, seperti menyemak tarikh wafat perawi atau menulis biografi tokoh yang terlibat. Antara *athbāt* yang diusahakan beliau termasuk:

- *Thabat* Syeikh Abdullah Lubuk Tapah dalam risalah kecil bertajuk “*Subul al-Sa‘ādah bi-Asānīd al-Syeikh al-Muḥaqqiq ‘Abdullah Lubuk Tapah bin al-Marḥūm al-Syeikh ‘Abd al-Raḥman al-Kalantānī*”.
- *Thabat* Syeikh Wan ‘Izzuddin bin Wan Ibrahim al-Faṭānī al-Qadhī bertajuk “*al-Majālis al-Sa‘īdiyyah wa Hiya Musalsalāt wa Asānīd al-Syeikh Wan ‘Izzuddin*”.
- *Thabat* Syeikh Haji Hashim bin Abu Bakar bertajuk “*Asānīd al-Kutub al-Mashhūrah bi-Riwāyah al-Mu‘ammar al-Syeikh al-Ḥājj Hāshim bin Abī Bakr al-Qadhī al-Kalantānī al-Shāfi‘ī*”.
- *Thabat* Syeikh Haji Hamzah bin Muhammad al-Kalantānī bertajuk “*Tuḥfat al-Ummah wa Hiya Marwiyyāt al-Syeikh Tuwān Gūru al-Ḥājj Ḥamzah bin Muḥammad al-Kalantānī*”.

- *Thabat* Syeikh Sulaiman bin Ghah al-Sirāmī al-Kalantānī bertajuk “*Unwān al-Asānīd min Asānīd al-Syeikh al-Mu‘ammar al-Hājj Sulaimān al-Sirāmī*”.

•

Semua karya ini hanya berbentuk risalah kecil yang dicetak secara fotokopi, tanpa melalui penerbitan rasmi. Walaupun usahanya sangat bernilai dan jarang berlaku di Malaysia, namun ia masih belum lengkap dari sudut kajian kritikal, penyuntingan, penerbitan, dan penyebaran.

- **Ustaz Ibrahim bin Mesran al-Banjari.**

Seorang guru dari Johor yang juga meminati sanad. Beliau menyusun sebuah *thabat* untuk dirinya bertajuk “*Bughyat al-Mustafīd bi-Ba‘d Mā Lī min al-Asānīd*”. Karya ini menghimpunkan sanad bersama biografi dan senarai ijazah, menjadikannya mirip *athbāt* klasik. Namun, beliau tidak meneliti sanad atau mengesahkan kesinambungan perawi dengan menyemak tarikh wafat, sebaliknya sekadar menyalin dan menyenaraikan.

Sanadnya juga tidak mencapai martabat tinggi kerana kebanyakannya diperoleh daripada para murid atau cucu murid tokoh besar seperti Syeikh Yasin al-Fadani, Sayyid ‘Alawi al-Maliki, dan Syeikh Zakariyya al-Kandahlawi. Rujukan utamanya ialah ijazah daripada gurunya, Syeikh Nuruddin al-Banjari, yang masih hidup dan kebanyakannya berada di Malaysia. Lazimnya, para pelajar tidak terburu-buru mengeluarkan *athbāt* ketika guru mereka masih hidup, kerana dibimbangi para penuntut hanya memperoleh sanad yang lebih rendah sedangkan sanad yang lebih tinggi masih wujud.

Selain itu, Ustaz Ibrahim juga menyusun sanad Syeikh Hussein bin Abdul Qadir (murid kepada cucu murid Syeikh Zakariyya al-Kandahlawi) dalam sebuah risalah kecil bertajuk “*Qurrat al-Ayn bi-Asānīd Mawlānā Husayn*”. Risalah ini hanya mengandungi sanad bagi tujuh kitab hadis utama, namun beliau tidak menyertakan biografi Syeikh Hussein (Omar Kalash, 2024).

Berdasarkan kajian Omar Kalash (2024) beliau mendapati bahawa hanya dua orang sahaja daripada 37 tokoh ulama termasuk para mufti yang ditemui di Malaysia yang benar-benar memberi perhatian kepada *athbāt*. Hal ini membuktikan bahawa kajian dan pendokumentasian *athbāt* serta sanad di Malaysia hampir pupus, sekali gus memerlukan inisiatif khusus untuk memelihara warisan ini.

Pengkaji tidak hanya meneliti di Malaysia, bahkan turut ke Mekah untuk menjejaki ulama Melayu yang masih hidup atau pernah memiliki sanad. Namun, beliau tidak menemui tokoh Melayu yang memiliki *thabat*, kecuali Syeikh Zakaria al-Falfalani yang ketika itu uzur dan tidak meninggalkan karya *thabat*. Di Mekah, pengkaji juga menemui Syeikh Zakaria Ahmad, murid kepada Syeikh Yasin al-Fadani. Beliau menegaskan bahawa hampir tiada lagi ulama Melayu di Mekah yang masih hidup dengan tradisi sanad, malah banyak sanad Syeikh Yasin sendiri belum sempat diterbitkan dan hanya wujud dalam bentuk manuskrip (Omar Kalash, 2024).

Selain itu, pengkaji turut bertemu Kiai Abdul Rahim bin Jamaluddin Jahari al-Makki, seorang ulama Indonesia lulusan Madrasah al-Saulatiyyah yang pernah berguru dengan tokoh-tokoh besar seperti Syeikh Yasin al-Fadani, Sayyid Alawi al-Maliki, dan Syeikh Hasan al-Mashshat. Beliau juga mengakui tidak mengenali mana-mana ulama Melayu di Mekah yang masih hidup dengan sanad atau meninggalkan *athbāt*. Malah, ulama Melayu yang pernah tinggal di Ajyad juga tidak sempat didokumentasikan sanad dan *thabat* mereka (Omar Kalash, 2024).

Dari sudut fungsi, *athbāt* memainkan peranan besar dalam tiga aspek utama: kesinambungan ilmu, pengiktirafan guru, dan warisan intelektual Nusantara. Oleh itu, *athbāt* bukan sahaja berfungsi sebagai dokumen akademik, tetapi juga sebagai sumber sejarah intelektual yang membuktikan bahawa ulama Melayu berada dalam jaringan global ilmu Islam (al-Kattānī, 1982, jld. 1, hlm. 12).

Kajian tentang *athbāt* ulama Melayu di Malaysia masih di peringkat awal dan belum banyak diterokai secara mendalam. Antara pihak yang memberi perhatian ialah Farhah Zaidar Mohamed Ramli (2019) dari KUIS yang menulis beberapa artikel dan kajian berkaitan sanad dan *athbāt*. Beliau menekankan kepentingan pendokumentasian sanad, namun penulisannya lebih bersifat pengenalan tanpa analisis terperinci sebagaimana kaedah ahli hadis. Selain itu, Mohd. Khafidz Bin Soroni (2016) turut menyumbang dengan menghimpunkan 23 tokoh *musnid* Melayu bersama karya mereka, manakala Mohd Zaidi bin Abdullah dikenali sebagai antara perintis yang mengumpul *thabat* gurunya. Terkini kajian Omar Khalas di peringkat PhD di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM pada tahun 2024 bertajuk “*Athbāt dan Riwayat Ulama Melayu: Sumbangan dan Relevansinya dalam Kajian Kontemporari*”. Kajian beliau berusaha menghimpunkan sanad dan *athbāt* yang terdapat di Malaysia.

Secara keseluruhan, usaha ini menunjukkan wujudnya minat dan inisiatif awal dalam meneliti *athbāt* ulama Melayu, walaupun masih terbatas dari segi analisis kandungan dan metodologi. Kajian yang lebih sistematik dan mendalam amat diperlukan bagi memperkaya pemahaman tentang tradisi sanad dan *athbāt* di Alam Melayu.

Kewujudan karya seperti ini menunjukkan bahawa ulama Melayu tidak sahaja menerima sanad, tetapi juga terdorong untuk mendokumentasikannya sebagaimana tradisi ulama Timur Tengah. Pemerolehan, inventori, dan pengkatalogan manuskrip di perpustakaan di Asia Tenggara, termasuk manuskrip Islam, mengesahkan usaha mendokumentasikan warisan keilmuan (Suaib et al., 2020). Hal ini mengesahkan bahawa Alam Melayu memiliki tradisi *athbāt*nya sendiri yang memperkukuh autoriti ulama serta mengekalkan kesinambungan keilmuan.

Sumbangan Sanad dan *Athbāt* kepada Masyarakat Madani Nusantara

Tradisi sanad dan *athbāt* mempunyai dimensi sosial yang penting dalam pembentukan masyarakat madani di Alam Melayu. Nilai-nilai disiplin sanad seperti amanah, kejujuran, disiplin, dan ihsan merupakan asas pembentukan masyarakat berintegriti selari dengan kata-kata Abdullah bin al-Mubarak: “sanad itu sebahagian daripada agama, dan jika tidak kerana sanad nescaya sesiapa sahaja boleh berkata apa yang dia mahu” (al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1987, hlm. 121).

Selain itu, *athbāt* memainkan peranan sebagai dokumen legitimasi yang menzahirkan kesinambungan ilmu. *Athbāt* membuktikan bahawa seorang ulama bukan sahaja memiliki ilmu, tetapi juga memiliki pengiktirafan formal melalui sanad yang bersambung kepada Rasulullah SAW (Idriz, 2007). Ini menjadikan ulama yang memiliki sanad dihormati dan berfungsi sebagai pihak berkuasa agama dalam masyarakat (Utomo et al., 2020).

Sanad dan *athbāt* juga memberi model kepimpinan ilmiah berintegriti. Ulama yang memiliki sanad dan *athbāt* dipandang tinggi kerana mereka mengamalkan disiplin ketat dalam menuntut, menyebarkan, dan mengesahkan ilmu (Karagözoğlu, 2017). Sanad, sebagai rantai perawi, adalah penting dalam menentukan kesahihan hadis (Mghari et al., 2022). Ibn Hajar al-‘Asqalānī

(1987, hlm. 34) menegaskan bahawa “sanad merupakan keistimewaan umat Islam yang tidak dimiliki oleh umat lain”.

Aplikasi kontemporari yang boleh digerakkan ialah:

- i. **Integrasi sanad dalam kurikulum IPTA.** Kajian hadis kini diajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia (Zaidi & Hoque, 2019).
- ii. **Digitalisasi *athbāt* dan manuskrip.** Terdapat usaha digitalisasi warisan budaya dan manuskrip secara umum di Malaysia (Suaib et al., 2020), meskipun inisiatif khusus untuk *athbāt* oleh Perpustakaan Negara Malaysia tidak dapat dikesan.
- iii. **Pemulihan tradisi *talaqqi* pondok.** Kaedah *talaqqi* masih menjadi amalan penting dalam sistem pengajian pondok moden dan tradisional (Hamid et al., 2024).
- iv. **Pembangunan pangkalan data sanad Nusantara.** Kajian mengenai jaringan ulama hadis di Nusantara menunjukkan potensi untuk membangunkan pangkalan data sanad (Zamzami & Fauzi, 2022), walaupun pangkalan data khusus belum dapat dikenalpasti.

Dengan itu, sanad dan *athbāt* bukan sahaja warisan sejarah, tetapi juga model epistemologi dan etika yang relevan bagi membina masyarakat madani Nusantara.

Cabaran dan Kelestarian Kontemporari

Tradisi sanad dan *athbāt* ulama Melayu menghadapi cabaran kontemporari yang memerlukan perhatian serius bagi kelestariannya. Salah satu cabaran utama adalah kekangan dokumentasi, di mana sebahagian sanad mungkin hilang atau sukar dikesan kerana tidak direkodkan secara sistematik atau diwariskan secara lisan semata-mata (Khaira et al., 2023). Usaha mendokumentasikan warisan keilmuan ini sering berdepan dengan kesulitan dalam standardisasi dan pengumpulan data, sebagaimana yang dihadapi dalam dokumentasi warisan budaya dan manuskrip lain (Gori, 2018).

Cabaran lain ialah perubahan cara belajar, apabila tradisi *talaqqi* dan pengajian pondok yang menjadi tunjang penyebaran sanad semakin diganti dengan sistem pendidikan moden yang lebih menekankan peperiksaan (Azra, 2004, hlm. 310). Peralihan ini menyebabkan anjakan nilai dalam tradisi pengajian Islam, di mana pembelajaran sendiri melalui platform digital semakin meluas (Ishak et al., 2022). Hal ini menimbulkan persoalan tentang bagaimana kesinambungan ilmu bersanad dapat dipelihara dalam konteks pendidikan kontemporari (Rahmawati & Ghazali, 2023).

Cabaran ketiga ialah arus digital dan teknologi AI. Walaupun teknologi ini membuka peluang penyelidikan hadis secara moden, seperti dalam penentuan kesahihan sanad dan analisis perawi (Zadeh, 2023), ia juga berisiko menjadikan sanad dilihat sekadar dokumen sejarah atau data yang boleh diproses secara automatik (Qasim et al., 2025). Malah, kebimbangan timbul tentang potensi bias algoritma atau risiko pemalsuan rekod sejarah apabila bergantung sepenuhnya pada mesin (Alalaq, 2024). Integrasi AI dalam bidang ini memerlukan pertimbangan etika dan mekanisme untuk memastikan human expertise kekal relevan (Frontoni et al., 2022).

Bagi memastikan kelestarian tradisi ini, langkah yang dicadangkan termasuk: dokumentasi sistematik dan digitalisasi manuskrip (Siliutina et al., 2024). Terdapat pelbagai usaha digitalisasi warisan budaya dan manuskrip di Malaysia (Suaib et al., 2020), dan inisiatif digital seperti yang dicadangkan untuk mengkatalogkan dan mendigitalisasi manuskrip penting adalah kritikal untuk akses dan pemeliharaan jangka panjang (Salim & Aditya, 2025). Selain itu, integrasi sanad dalam kurikulum universiti serta pemulihan pengajian *talaqqi* di pondok juga

amat penting (Ahmad et al., 2021). Kajian hadis kini diajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia (Ahmad et al., 2021), dan kaedah *talaqqi* masih menjadi amalan penting dalam sistem pengajian pondok tradisional (Hamid et al., 2024). Ini membuktikan bahawa usaha untuk memelihara dan menyesuaikan tradisi ini dengan konteks semasa telah bermula di Malaysia.

Kesimpulan

Sanad dan *athbāt* merupakan warisan keilmuan yang sangat berharga dalam tradisi ulama Melayu. Melalui sanad, periwayatan hadis dipelihara dengan memastikan keaslian dan kesinambungan mata rantai perawi hingga kepada Rasulullah SAW (Kamaluddin, 2023). Sementara itu, *athbāt*, bersama dengan ijazah, berfungsi sebagai rekod rasmi yang membuktikan hubungan intelektual antara guru dan murid, serta mengesahkan autoriti keilmuan seseorang ulama dalam jalur periwayatan yang sah (Arjmand, 2017). Tradisi ini memperlihatkan bahawa ulama Melayu bukan sahaja pewaris tradisi Islam, tetapi juga penghubung kepada jaringan sanad global, mengikat Nusantara dengan pusat ilmu di Timur Tengah (Zamzami & Fauzi, 2022).

Dalam pembinaan masyarakat madani Nusantara, sanad dan *athbāt* menegakkan nilai amanah, integriti, dan disiplin yang selari dengan prinsip al-Quran dan Sunnah (Kostadinova, 2023). Ia memberikan model kepimpinan ilmiah yang berintegriti dan berfungsi sebagai legitimasi bagi autoriti ulama dalam masyarakat (Utomo et al., 2020). Oleh itu, ia perlu terus dipelihara melalui penyelidikan, dokumentasi, digitalisasi, dan pendidikan (Siliutina et al., 2024). Ini adalah langkah penting agar warisan ini kekal relevan dan terus menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang berlandaskan ilmu dan nilai-nilai Islam untuk generasi mendatang.

Penghargaan

Kajian ini adalah sebahagian hasil penyelidikan yang mendapat pendanaan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KKM), di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) - FRGS/1/2023/SSI13/USIM/02/1 (USIM/FRGS/FPQS/KPT/50823) dan kerjasama Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI), Universiti Sains Islam Malaysia.

Rujukan

- Abdullah al-Qari bin Haji Salleh. (1985). Tok Kenali: Ulama tersohor di Alam Melayu. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abdullah, WMS (1991). Khazanah karya pusaka Asia Tenggara. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah.
- Abdullah, WMS (1997). Ulama besar dari Patani. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyyah.
- Abidin, Z., Basri, B., & Nopriyana, RD (2020). Jaringan ulama di Lampung: Menelusuri perkembangan Islam dan pengaruhnya terhadap tradisi dan budaya setempat. *AKADEMIKA Jurnal Pemikiran Islam*, 25 (2), 315. <https://doi.org/10.32332/akademika.v25i2.1672>
- Ahmad, KA (1993). Kelayakan dan peranan Qadi di Kedah, Malaysia. <http://hdl.handle.net/10023/13688>
- Ahmad, KA, Asni, F., Hamid, SA, & Rahman, MNA (2021). Kajian hadis di Malaysia: Pendekatan meta-analisis. *Jurnal Antarabangsa Penyelidikan Akademik dalam Perniagaan dan Sains Sosial*, 11 (10). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i10/10998>
- Akca dkk. (2023). Amalan dakwah Islam. Dalam eBook De Gruyter. De Gruyter. <https://doi.org/10.1515/9783110788334>
- Alalaq, AS (2024). Sejarah revolusi kecerdasan buatan dan sifat kerja AI generatif. *Jurnal yang Dipadam*, 2 (4), 1. <https://doi.org/10.59232/air-v2i3p101>
- Ali, S. (2023). Patani dan jaringan ulama Melayu abad ke-15: Satu kajian sejarah Kitab Tarikh Fathani oleh Sheikh Faqih Ali al-Fathani. *Jurnal Antarabangsa Sains dan Masyarakat*, 5 (2), 212. <https://doi.org/10.54783/ijssoc.v5i2.688>
- Alias, N. (2020). Gaya penulisan dan kesungguhan ulama klasik dan kontemporari terhadap ilmu sanad al-Qur'ān. *Jurnal Dipadam*, 21 (3), 165. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.21.3.459>
- Al-Haiti, ASIR (2020). Sheikh, cendekiawan, ibu bapa: Usaha ilmiah dan advokasi Ibrahim Rahim Al-Hiti di Sekolah Al-Isfiyya. *Sains Sosial KnE*. <https://doi.org/10.18502/kss.v4i8.7219>
- Alwi, EAZE (2014). Peranan kepercayaan dalam membangunkan tamadun komuniti. *Jurnal Sains Sosial Mediterranean*. <https://doi.org/10.5901/mjss.2014.v5n23p1608>
- Arjmand, R. (2017). Ijāzah: Kaedah pengesahan dan penilaian dalam pendidikan Islam. Dalam buku panduan pendidikan antarabangsa Springer (hlm. 1). Springer Nature (Belanda). https://doi.org/10.1007/978-3-319-53620-0_55-1
- Azmi, AM, Al-Qabbany, AO, & Hussain, A. (2019). Kajian kesusasteraan hadith berasaskan pemprosesan bahasa semula jadi dan pengiraan: Satu tinjauan. *Tinjauan Kecerdasan Buatan*, 52 (2), 1369. <https://doi.org/10.1007/s10462-019-09692-w>
- Azra, A. (2004). Jaringan ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara abad XVII & XVIII. Jakarta: Kencana.
- Bradley, FR (2014). Pembaharuan Islam, keluarga, dan rangkaian ilmu yang menghubungkan Mekah dengan Asia Tenggara pada abad kesembilan belas. *The Journal of Asian Studies*, 73 (1), 89. <https://doi.org/10.1017/s0021911813001691>
- Faiz, M. (2016). Khazanah tasawuf Nusantara: Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia. DOAJ (Direktori Jurnal Akses Terbuka). <https://doaj.org/article/7b27acd8157f4854b2f6c63de0f8dc6e>
- Fahrudin, M. (2014). Transformasi kultur pendidikan Islam di Indonesia. DOAJ (Direktori Jurnal Akses Terbuka), 2 (1), 374. <https://doi.org/10.5281/e-journal.v2i1.83.g71>
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli. (2019). Ijazah periwayatan sanad kitab turath hadith: Analisis Al-Mawahib Al-Ilahiyyah Fi Al-Asanid Al-'Aliyyah karya Muhammad Salih Bin Uthman

- Jalal al-Din Al-Malayuwi Al-Makki (1928–2012m). *Ma‘ālim Al-Qur‘ān Wa Al-Sunnah*. <https://doi.org/10.33102/JMQS.V15I1.147>
- Farooqi, AM, Malick, RAS, Shaikh, MS, & Akhunzada, A. (2024). MIS Set Berbilang Isnad untuk hadith Sahih Muslim dengan rangkaian perawi, berdasarkan berbilang isnad. *Data Secara Ringkas*, 54, 110439. <https://doi.org/10.1016/j.dib.2024.110439>
- Frontoni, E., Paolanti, M., Lauriault, TP, Stiber, M., Duranti, L., & Muhammad, A.-M. (2022). Data yang dipercayai selama-lamanya: Adakah AI jawabannya? *arXiv (Universiti Cornell)*. <https://doi.org/10.48550/arxiv.2203.03712>
- Gallop, AT (2020). Perubahan landskap: Memetakan semula tradisi penulisan Islam Asia Tenggara melalui pendigitalan. *Jurnal Humaniora*, 32 (2), 97. <https://doi.org/10.22146/jh.55487>
- Gori, A. (2018). *IslHornAfr* dan pangkalan data penerbitan sastera Islam dari Tanduk Afrika. *Portal Penyelidikan Denmark*, 4 (1), 29. <https://local.forskningportal.dk/local/dki-cgi/ws/cris-link?src=ku&id=ku-f6740322-902c-4533-bc92-4ee806ba866b&ti=IslHornAfr%20and%20its%20Database%20of%20Islamic%20Literary%20Production%20from%20the%20Horn%20of%20Africa>
- Hamid, MFA, Sahrir, MS, Amiruddin, A., Yahaya, MF, & Sha'ari, SH (2024). Menilai penerimaan pelajar terhadap modul infografik interaktif untuk pembelajaran tata bahasa Arab menggunakan model penerimaan teknologi (TAM). *Jurnal Antarabangsa Pembelajaran Pengajaran dan Penyelidikan Pendidikan*, 23 (9), 121. <https://doi.org/10.26803/ijlter.23.9.7>
- Hamim, AH, Rindiani, A., Hasanah, A., & Arifin, BS (2021). Nilai etika teras pendidikan bercirikan nilai-nilai Islam. *Al-Hasanah Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 6 (1), 97. <https://doi.org/10.51729/6129>
- Ibn ‘Abd al-Barr. (1968). *Jami‘ bayān al-‘ilm wa faḍlih* (Jilid 2). Kaherah: Dār al-Turāth.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. (1987). *Nuzhat al-nazar fī tawḍīḥ nukhbat al-fikar*. Kaherah: Maktabah al-Khanji.
- Ibnu Khaldun. (2004). *Al-Muqaddimah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn al-Ṣalāḥ. (1986). *‘Ulūm al-ḥadīth*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Idriz, M. (2007). Daripada tradisi tempatan kepada amalan universal: Ijāzah sebagai tradisi pendidikan Islam (dengan rujukan khas kepada Ijāzah Idrīs Fahmī b. Sālih abad ke-19 yang dikeluarkan di Balkan dan terjemahan bahasa Inggerisnya yang beranotasi). *Asian Journal of Social Science*, 35 (1), 84. <https://doi.org/10.1163/156853107x170178>
- Iqrimatunnaya, I., & Hasannia, A. (2022). Tanah lembap yang dibina sebagai usaha untuk melindungi alam sekitar: Kajian takhrij dan syarah hadith. *Jurnal Takhrij Al-Hadith*, 1 (2), 35. <https://doi.org/10.15575/jth.v1i2.22810>
- Ishak, MS, Sarkowi, A., Mustaffa, MF, & Mustapha, RO (2022). Penerimaan YouTube untuk pemerolehan maklumat Islam: Analisis pelbagai kumpulan terhadap disiplin akademik pelajar. *Jurnal Antarabangsa Sains Komputer Lanjutan dan Aplikasi*, 13 (7). <https://doi.org/10.14569/ijacsa.2022.01307108>
- Ismail Che Daud. (1988). *Tokoh-tokoh ulama Semenanjung Melayu (Koleksi Biografi Ulama)*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Jafar, I. (2023). Ajaran kerohanian Zakariyyā Kāndhlavī (w. 1982) dalam Faẓā’il-i Durūd Sharīf. *Jurnal Pengajian Sufi*, 12 (2), 253. <https://doi.org/10.1163/22105956-bja10031>
- Jamil, B. (2022). Siapakah yang menggerakkan sanad saya? Satu lagi sejarah isnād dalam penyampaian dan penyebaran hadis dan sunnah. *Jurnal Pengajian Al-Qur'an dan Hadis*, 11 (1), 1. <https://doi.org/10.15408/quhas.v11i1.27211>
- Kamaluddin, A. (2023). Naqd as-sanad: Metodologi validasi hadits shahih. *Jurnal MUSHAF Jurnal Ilmu Al Quran Dan Hadis*, 3 (2), 229. <https://doi.org/10.54443/mushaf.v3i2.136>

- Karagözoğlu, MM (2017). Jalan yang dipertikaikan dalam kritikan hadis Sunni pasca-klasik: Pembacaan melalui lensa al-Mughnī ‘an al-Ḥifẓ wa-l-kitāb. *Jurnal Pengajian Islam*, 29 (2), 149. <https://doi.org/10.1093/jis/etx079>
- al-Kattānī, ‘A. al-Ḥ. (1982). *Fihris al-fahāris wa al-athbāt* (Jilid 1–2). Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Khaira, R., Abulkhair, MF, Kurnia, MF, Safira, R., & Oktari, RS (2023). Peranan wanita Aceh dalam meningkatkan kesiapsiagaan komuniti melalui penyampaian pengetahuan tempatan dan peribumi antara generasi. *E3S Web of Conferences*, 447, 4006. <https://doi.org/10.1051/e3sconf/202344704006>
- Khan, G. (2024). Dokumen jualan Arab dari zaman pertengahan Kaherah yang dipelihara dalam koleksi Firkovitch. Dalam eBook BRILL (hlm. 131). Brill. https://doi.org/10.1163/9789004712331_011
- al-Khaṭīb al-Baghdādī. (1987). *Al-Kifāyah fī ‘ilm al-riwāyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Kostadinova, Z. (2023). Edep: Imaginasi beretika dan sunnah Nabi Muhammad. *Islam Kontemporari*, 18 (1), 87. <https://doi.org/10.1007/s11562-023-00548-3>
- Maknun, ML, Nugroho, MA, & Libriyanti, Y. (2022). Kontribusi ulama Nusantara terhadap keilmuan Islam di Indonesia: Studi kasus inventarisasi manuskrip Ponpes Tremas dan Tebuireng. *Warisan Muslim*, 7 (1), 111. <https://doi.org/10.21154/muslimheritage.v7i1.3625>
- Mahdi, HA, Assaggaf, H., Alfelali, M., Ahmed, OB, Alsafi, R., Shaban, RZ, Booy, R., & Rashid, H. (2021). Pengetahuan, persepsi dan amalan kebersihan tangan dalam kalangan pelawat domestik ke Masjid Nabawi di Bandar Madinah di tengah-tengah pandemik COVID-19: Satu kajian rentas keratan. *Jurnal Antarabangsa Penyelidikan Alam Sekitar dan Kesihatan Awam*, 18 (2), 673. <https://doi.org/10.3390/ijerph18020673>
- Majid, LBA (2008). Bahr Al-Madhi Shaykh Idris Al-Marbawi dan Jawahir Al-Bukhari Tuan Haji Husayn: Kepentingan teks hadith bagi umat Islam Melayu sebagai alat untuk pengajaran politik dan sosial agama sepanjang abad kedua puluh. <https://ethos.bl.uk/OrderDetails.do?uin=uk.bl.ethos.504248>
- Malek, A., & Munip, K. (2017). Kolonialisme dan dialektik pembaharuan Islam di Negeri Melayu: Pengasoh dan pembentukan sfera awam Islam di Kelantan, 1915–1925 [Universiti Cambridge]. Dalam *Apollo* (Universiti Cambridge). <https://doi.org/10.17863/cam.26439>
- Mghari, M., Bouras, O., & Hibaoui, AE (2022). Sanadset 650K: Data perawi hadith. *Data secara Ringkas*, 44, 108540. <https://doi.org/10.1016/j.dib.2022.108540>
- Meulen, D. van der. (1981). *Bahan awal*. Dalam eBook BRILL. Brill. https://doi.org/10.1163/9789004631588_001
- Mughal, J. Dr MA (2016). *Ibtidā' al-sanad [Permulaan sanad ḥadīth]* [Istilah ilmu ḥadīth].
- Musa, M., & Baharudin, AM (2024). Pulau Pinang, Haji, dan peranan Syekh Haji, 1786–1977. *Jurnal Antarabangsa Kajian Asia Pasifik*, 20 (2), 87. <https://doi.org/10.21315/ijaps2024.20.2.4>
- Mustapha, AS, Ali, AK, & Zainol, NZN (2018). Sheikh Daud al-Fatani sebagai sarjana di Kepulauan Melayu: Gambaran Keseluruhan tulisannya. *Jurnal Antarabangsa Kejuruteraan & Teknologi*, 7, 332. <https://doi.org/10.14419/ijet.v7i2.29.13648>
- Nasir, MNM (2022). Epistemologi Melayu seperti yang dilihat dalam karya teologi Melayu yang ditulis dalam tulisan Jawi dari abad ke-17 hingga ke-19. *Kesusasteraan Melayu*, 35 (1), 47. [https://doi.org/10.37052/ml35\(1\)no3](https://doi.org/10.37052/ml35(1)no3)
- Osman, A. (2022). Hak untuk dilupakan: Perspektif Islam. *Human Rights Review*, 24 (1), 53. <https://doi.org/10.1007/s12142-022-00672-2>

- Özçep, F. (2020). Bumi fizikal dan sainsnya di Istanbul: Perjalanan dari zaman pra-modern (Islam) ke zaman moden. *Sejarah Sains Geo dan Angkasa*, 11 (2), 173. <https://doi.org/10.5194/hgss-11-173-2020>
- Qasim, F., Ali, H., Salman, MW, & Al-Zarkani, KH (2025). Menggunakan teknik pembelajaran mesin untuk menganalisis teks sejarah: Mengekstrak maklumat dan corak daripada dokumen sejarah. Dalam nota kuliah dalam rangkaian dan sistem (hlm. 848). Springer International Publishing. https://doi.org/10.1007/978-3-031-82377-0_68
- Qudsy, SZ, Prasajo, ZH, Rafiq, A., & Zulfikar, T. (2021). Sejarah sosial Ashab al-Jawiiyyin dan penyampaian hadis di Nusantara abad ke-17. *Islamiyyat*, 43 (2), 105. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-4302-09>
- Rahman, AHA, Ahmad, WIW, & Rahman, HHA (2015). Pendidikan agama bukan formal dalam masyarakat Melayu Islam di Terengganu, Malaysia. *Jurnal Sains Sosial Mediterranean*. <https://doi.org/10.5901/mjss.2015.v6n3s2p189>
- Rahman, RA, Noh, NC, Ibrahim, AQ, Rahman, NEA, Awang, NA, Embong, R., & Mustapha, AS (2019). Alam Melayu dan Arab dalam naskhah Hidayah Al-Muta'allim Wa 'Umdah Al-Mu'allim : Karangan Syeikh Daud Al-Fatani. *Jurnal Antarabangsa Penyelidikan Akademik dalam Pendidikan dan Pembangunan Progresif*, 8 (4). <https://doi.org/10.6007/ijarped/v8-i4/6616>
- Rahmawati, R., & Ghazali, AR (2023). Dasar lama untuk murid era perisakan: Mengapa institusi keagamaan memelihara peraturan tradisional dalam masyarakat digital. *E3S Web of Conferences*, 440, 4006. <https://doi.org/10.1051/e3sconf/202344004006>
- Rozali, EA (2015). Sheikh Wan Ahmad al-Fatani dan penerbitan Melayu di Timur Tengah. *Sains Sosial Asia*, 11 (24). <https://doi.org/10.5539/ass.v11n24p90>
- Saharman, S. (2018). Sejarah pendidikan Islam di Minangkabau. *Turast Jurnal Penelitian Dan Pengabdian*, 6 (1), 93. <https://doi.org/10.15548/turast.v6i1.693>
- Salim, M., & Aditya, R. (2025). Integrasi kecerdasan buatan dalam pendidikan Islam: Trend, kaedah dan cabaran dalam era digital. *Jurnal Pengajian dan Tamadun Islam Moden*, 3 (1), 74. <https://doi.org/10.59653/jmisc.v3i01.1368>
- al-Sam'ānī, 'A. al-K. (1981). *Adab al-implā' wa al-istimplā'*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Sharipp, MTM, Suyurno, SS, Ridzuan, AR, Aini, ZH, Hamid, A., & Fadzil, MFM (2021). Adaptasi keperluan hadis sahih sebagai kaedah menentukan kesahihan komunikasi maklumat Islam. *Jurnal Siasatan Kualitatif Dalam Talian Turki*, 12 (6), 9766. <https://www.tojqi.net/index.php/journal/article/view/3507>
- Sheikh, MK, & Sheikh, MK (2019). Daya tarikan jihad transnasional di Asia Tenggara. *Portal Penyelidikan Denmark*, 7. <https://local.forskningportal.dk/local/dki-cgi/ws/cris-link?src=diis&id=diis-0f792885-56fb-4f0a-ba95-1f8695b6613a&ti=The%20Traction%20of%20Transnational%20Jihad%20in%20South%20East%20Asia>
- Siliutina, I., Tytar, O., Barbash, M., Петренко, H., & Yepyk, L. (2024). Pemeliharaan budaya dan warisan digital: Cabaran dan peluang. *Revista Amazonia Investiga*, 14 (75), 262. <https://doi.org/10.34069/ai/2024.75.03.22>
- Suaib, NM, Ismail, NA, Sadimon, S., & Yunos, ZM (2020). Usaha pemeliharaan warisan budaya di Malaysia: Satu tinjauan. *Siri Persidangan IOP Sains dan Kejuruteraan Bahan*, 979 (1), 12008. <https://doi.org/10.1088/1757-899x/979/1/012008>
- Suparto, S., Halid, H., & Mamat, SA (2019). Bani Alawiiyyin di Indonesia dan dunia Melayu: Rangkaian, pembangunan dan peranan institusi dalam menyampaikan misi Islam yang aman. *Jurnal Islam Indonesia*, 13 (2), 267. <https://doi.org/10.15642/JIIS.2019.13.2.267-296>

- Suryana, Y. (2019). Cabaran untuk sanad sains Islam dalam era disrupsi. <https://doi.org/10.2991/aicosh-19.2019.16>
- Utomo, S., Fauzan, M., & Anshori, A. (2020). Kyai pesantren dan pemecahan autoriti agama di wilayah pinggiran Muslim. *Kemajuan dalam Penyelidikan Sains Sosial, Pendidikan dan Kemanusiaan/Kemajuan dalam Penyelidikan Sains Sosial, Pendidikan dan Kemanusiaan*. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.201113.011>
- Zadeh, AR (2023). Kecerdasan buatan dan aplikasi teknologi maklumat moden dalam sains Islam: Satu tinjauan. *Jurnal Antarabangsa Pengkomputeran Persepsi dan Kognitif*, 9 (2), 48. <https://doi.org/10.31436/ijpcc.v9i2.403>
- Zaidi, NNM, & Hoque, M. (2019). Aplikasi e-pembelajaran untuk pengajaran hadith dalam pendidikan institusi pengajian tinggi di Malaysia: Satu tinjauan literatur [Ulasan aplikasi e-pembelajaran untuk pengajaran hadith dalam pendidikan institusi pengajian tinggi di Malaysia: Satu tinjauan literatur]. *Jurnal Pendidikan Al-Quran Sunnah & Keperluan Khas*, 3 (2), 28. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol3no2.50>
- Zamzami, MS, & Fauzi, A. (2022). Rangkaian hadith cendekiawan Madura: Salasilah, penyebaran, dan khazanah intelektual hadith. *Dialogia*, 20 (1), 208. <https://doi.org/10.21154/dialogia.v20i1.3799>